



Penduduk **meninjau kenderaan yang tersangkut** akibat banjir kilat di Taman Seri Alam.

[FOTO INTAN NUR ELLIANA/BH]



Keadaan bahagian dapur lima buah rumah yang ditimbus tanah dalam **kejadian tanah runtuh** di Kampung Baru, Pekan Salak.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

Banjir, tanah runtuh, ribut landa 4 negeri

» 11 laporan banjir kilat, dua kejadian tanah runtuh

Oleh Fairuz Zaidan, Irwan Shafrihan Ismail, Norzamira Che Noh dan Mohd Khidir Zakaria, Mohamad Hairi Azmi Tham dan Hafizudin Mohd Safar
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Beberapa kawasan di empat negeri dilanda banjir kilat semalam dan kelmarin berikutan hujan lebat berterusan.

Dua kejadian tanah runtuh dilaporkan yang menyebabkan beberapa seorang cedera dan lima rumah rosak.

Di **Shah Alam**, Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor menerima 11 laporan banjir kilat di seluruh negeri, semalam, termasuk di Universiti Teknologi MARA (UiTM) kampus Puncak Alam di sini.

Banjir kilat di UiTM bermula jam 2.30 petang dan berakhir kira-kira 10 minit kemudian.

Rektor UiTM Selangor Bandar Puncak Alam, Prof Dr Zaini Abdullah, berkata pihaknya tidak menerima sebarang laporan kerosakan kenderaan pelajar mahupun kakitangan.

"Ini kali pertama kampus ini dilanda banjir kilat dan kami percaya ia disebabkan hujan luar biasa lebat kira-kira sejam. Ia juga

berkemungkinan disebabkan saluran longkang tersumbat," katanya.

Dapur ditimbus tanah

Di **Sepang**, penghuni lima rumah di Kampung Baru Pekan Salak menempuh detik cemas apabila bahagian dapur kediaman mereka ditimbus tanah, kira-kira jam 5.30 pagi semalam.

Seorang penduduk cedera ringan apabila bilik tidurnya terkena runtuh.

Mangsa, Ah Peng, 38, berkata dia terjaga daripada tidur selepas terasa gegaran sebelum serpihan siling dan atap terkena muka dan badan.

"Saya terkejut dengan gegaran kuat seumpama gempa bumi dan beberapa saat kemudian bilik saya berselerak dengan serpihan batu, siling dan atap," katanya.

"Ini kali pertama kampus ini dilanda banjir kilat dan kami percaya ia disebabkan hujan luar biasa lebat kira-kira sejam. Ia juga berkemungkinan disebabkan saluran longkang tersumbat

Dr Zaini Abdullah,
Rektor UiTM Selangor
Bandar Puncak Alam



Keadaan air melimpahi sekitar kawasan fakulti berikutan banjir kilat di UiTM Puncak Alam.

[FOTO IHSAN PEMBACA]

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Yahya Md Sham, berkata siasatan awal mendapati runtuhannya berpunca daripada pergerakan tanah di lereng bukit disebabkan hujan lebat sejak kelmarin.

Kesesakan lalu lintas

Di **Port Dickson**, hujan lebat hampir tiga jam menyebabkan beberapa jalan dekat Bandar Springhill dan Kampung Sendayan di sini, dilanda banjir kilat jam 4 petang semalam.

Jalan Seremban-Port Dickson dekat Bandar Springhill mengalami kesesakan lalu lintas teruk sepanjang tiga kilometer berikutan air ditenggelami sedalam semeter.

Di **Melaka**, hujan lebat beberapa hari lalu menyebabkan cerun bukit di Taman Bunga Raya, Bukit Beruang di sini, runtuh sekali gus mengundang kebimbangan penduduk berhampiran.

Dalam kejadian jam 9.30 malam kelmarin, sebahagian cerun bukit yang ditutupi kanvas mengalami runtuhannya kecil hingga merosakkan struktur konkrit pembahagi jalan.

Penolong Jurutera Kanan, Jabatan Kerja Raya (JKR) Melaka, Adderul Hariff, berkata siasatan awal mendapati runtuhannya berpunca daripada permukaan lapisan tanah.

"Bagaimanapun, lapisan asas tanah jenis berbatu di bahagian cerun masih kukuh," katanya.

Putus hubungan

Di **Sungai Siput**, hampir 1,000 penduduk dari lima kampung terputus hubungan apabila jalan utama berhampiran jambatan di Kampung Enggor berhampiran Pekan Karai dekat sini runtuh, kelmarin.

Dalam kejadian jam 9.30 malam itu, hujan lebat pada lewat petang mengakibatkan tanah berhampiran laluan berkenaan runtuh sedalam lebih tiga meter.

Di **Arau**, sekurang-kurangnya 40 orang daripada sembilan keluarga hilang tempat berlindung selepas rumah mereka musnah dilanda ribut di Kampung Alor Redis di sini, kelmarin.

Ribut selama lima minit itu menerbangkan sebahagian bumbung rumah. Semua penghuni selamat dalam kejadian jam 6.30 petang itu.



Sebahagian daripada sembilan buah rumah yang rosak teruk akibat **puting beliung** yang berlaku di Kampung Alor Redis, Arau.

[FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN/BH]